



**KENYATAAN SEBUT HARGA  
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

**CADANGAN PEROLEHAN BAGI EMPAT BELAS (14) UNIT KOMPUTER DESKTOP UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN KEWANGAN MARA**

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA TAKLIMAT SEBUT HARGA	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
086/2021/58	210104	25/10/2021 Hingga 01/11/2021	02/11/2021 11.00 pagi Bahagian Kewangan MARA, Tingkat 15, Ibu Pejabat MARA	RM 5.00	08/11/2021 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Bayaran dokumen sebutharga boleh dibuat secara BANK DRAF/ KIRIMAN WANG / WANG POS atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA). Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.

4. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (9.00 pagi - 3.00 petang) di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.

5. Pembekal yang berminat boleh menghadiri taklimat sebut harga seperti ketetapan di atas. Pastikan alamat emel pembekal dilengkapkan dengan jelas semasa pembelian dokumen. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang dibenarkan pembelian dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan.

6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.

7. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di bawah :

PENGARAH  
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN  
TINGKAT 2 (Kaunter Tender), LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,  
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>

10. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

11. Pembelian Dokumen dan penghantaran Dokumen Sebut Harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard(SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.